

**TAFSIR SURAH AL-MULK: PERBANDINGAN METODOLOGI PENAFSIRAN
SAYYID QUTB DAN BUYA HAMKA**

1029

Mohd Ikram Bin Mohd Nawi

ikramnawi@kuis.edu.my

Mohd Norzi Bin Nasir

mohdnorzi@kuis.edu.my

Mohd Asri Bin Ishak

asri@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-Quran merupakan bukti kebenaran Nabi Muhammad SAW yang memiliki pelbagai keistimewaan. Susunan gaya bahasanya yang unik menjadikan kefahaman terhadap sesuatu ayat dapat difahami dengan pelbagai bentuk penafsiran. Kepelbagaian pemahaman tersebut membawa kepada penafsiran yang berbeza di kalangan para sahabat Nabi. Oleh yang demikian muncul pelbagai penafsiran bersesuaian dengan keadaan semasa bahkan terus berkembang seiring perkembangan zaman. Hal ini menuntut para mufassir mengkaji kembali ayat-ayat al-quran bagi menjawab permasalahan semasa. Artikel ini bertujuan membincangkan metodologi Tafsir fi Zilal al-Quran dan Tafsir al-Azhar dalam mentafsirkan al-quran serta perbandingan antara kedua-duanya. Fokus kajian adalah tertumpu kepada Surah al-Mulk. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua tafsir ini menggunakan kaedah penafsiran bi al-ma'thur dan al-ra'yi dan wujud perbezaan dari sudut tema atau gaya penafsiran yang memberi faedah kepada para pengkaji al-quran.

Kata kunci: metodologi tafsir, al-ma'thur, al-ra'yi, Tafsir fi Zilal al-Quran, Tafsir al-Azhar

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran dan al-Sunnah secara umumnya sudah jelas bahawa ia merupakan sumber pengetahuan dan perundangan Islam yang autentik. Al-Quran merupakan wahyu Allah yang dijamin dan dipelihara daripada diubah-ubah oleh manusia sebagaimana firman Allah s.w.t.;

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ١٩

Maksudnya:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya².

Begitu juga hadith atau sunnah iaitu perkataan, perbuatan dan *taqrir* (perakuan) Rasulullah s.a.w. merupakan sumber ataupun sandaran Islam yang kedua setelah al-Quran. Al-Sunnah merupakan

¹ Al-Quran, al-Hijr 15:9.

² Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan kajian ini adalah berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Kepada Pengertian al-Quran*, cetakan ke-12, (Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, 2001M/1422H)

penjelas, penguat dan penghurai kepada nas-nas yang terkandung di dalam al-Quran malah ianya juga adalah wahyu daripada Allah s.w.t. sesuai dengan firman-Nya:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ ۓ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۚ ۓ

Maksudnya:

Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahikan kepadanya.

Kebenaran wahyu dalam al-Quran adalah bersifat mutlak dan keimanan kepada ayat-ayat atau kalam Allah s.w.t. adalah wajib. Secara umumnya keterangan al-Quran seringkali dikemukakan dalam bentuk ringkas, umum dan ianya memerlukan penjelasan yang lebih terperinci untuk memahami atau melaksanakannya. Apa yang tersebut itu melibatkan semua aspek ajaran agama baik dari segi ibadatnya seperti sembahyang, zakat, haji, doa, zikrullah atau soal rumah tangga seperti perkahwinan, perceraian, atau soal muamalat seperti hukum-hakam, jual beli, atau dari segi kemasyarakatan, politik, kehakiman, ekonomi dan sebagainya. Oleh yang demikian, al-Quran perlu diberikan penafsiran yang tepat pada setiap kalimah yang terkandung di dalamnya bagi memenuhi tuntutan terhadap kefahaman dan sekali gus melaksanakan apa yang diperintahkan.

Menyingkap tabir sejarah penafsiran al-quran maka sememangnya Rasulullah s.a.w. dipertanggungjawabkan memainkan peranan sebagai penjelas kepada umat bukan hanya semata-mata menyampaikan al-Qur'an sebagaimana ditegaskan di dalam firman Allah s.w.t.;

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ۚ ۓ

Maksudnya:

Dan kami turunkan kepadamu al-dikr agar kamu menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka."

Umumnya, para sahabat r.a. boleh dikatakan tidak menghadapi masalah dalam memahami lafaz-lafaz al-quran kerana ianya diturunkan dalam bahasa pertuturan mereka iaitu Bahasa Arab. Namun para sahabat r.a turut berhajat kepada penafsiran ayat-ayat tertentu kerana ternyata al-quran turut mengandungi maksud tersirat disebalik lafaz yang zahir dan ia memerlukan kepada penafsiran. Penjelasan Rasulullah s.a.w. terhadap sesuatu makna ayat kepada sahabat r.a. membuktikan bahawa al-Quran memerlukan kepada kefahaman yang mendalam selain kefahaman dari segi bahasa semata-mata. Lantaran itu, ia memungkin tafsiran yang berlainan bagi para sahabat antara satu sama lain mengikut kefahaman masing-masing berdasarkan penjelas daripada Rasulullah s.a.w. kerana terkandung di dalam al-quran ayat berbentuk *mujmal*, *mubham*, suruhan, larangan dan sebagainya.⁵

³ Al-Quran, al-Najm 53:3-4.

⁴ Al-Quran, al-Naml 27:44

⁵ Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 2005. *Al-Tafsir wa al-Mufasssin*. Juz 1, hlm. 26.; Fadil Hasan Abbas. 2005. *Al-Tafsir: Asasiyatuhu wa Ittijatuhu*. Hlm. 116-117.

Usaha berterusan para sahabat r.a. dalam menyebarkan kefahaman terhadap al-Quran tidak terhenti walaupun setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Malah berterusan sehingga melahirkan tokoh-tokoh besar *mufasssir* dalam kalangan *tabi'in* dan begitulah seterusnya sehingga ke hari ini. Seiring dengan perkembangan zaman, ilmu tafsir juga berkembang dari segi kaedah-kaedah penafsiran yang digunakan oleh para *mufasssir* yang mana merancakkan lagi dunia penafsiran al-Quran sehingga lahirnya pelbagai corak penafsiran mengikut kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh para *mufasssir*.⁶ Sumbangan ulama-ulama tafsir ini merupakan penerus kepada usaha dalam menyambung dan menyampaikan risalah Rasulullah s.a.w. yang mana tanpa mereka maka jahillah ummah dalam memahami rahsia-rahsia kalam Allah.

2.0 FI ZILAL AL-QURAN

Sayyid Qutb adalah satu nama yang tidak asing dalam dunia pengajian Islam, merupakan seorang ilmuwan, sastrawan, ahli tafsir sekaligus pemikir yang berasal dari Mesir. Nama lengkap beliau adalah Sayyid Qutb Ibrahim Husayn Shadzili, dilahirkan pada tanggal 9 Oktober 1906 di daerah Asyut, Mesir. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sangat menitik beratkan pegangan agama begitu juga suasana persekitaran daerah tempat tinggal mereka. Maka tidak hairanlah jika pada usia muda Sayyid Qutb beliau dikenali cerdas dalam ilmu agama. Malah, saat usianya masih kecil iaitu 10 tahun beliau telah menghafal al-Quran.⁷

Setelah menamatkan pendidikan rendah, pada tahun 1921 Sayyid Qutb telah melanjutkan pengajian di Madrasah Tsanawiyah, Cairo. Kemudian pada tahun 1925 beliau telah melanjutkan pelajaran ke Madarasah Mu'allimin dan berjaya mendapatkan ijazah kafa'ah (kelayakan mengajar). Tidak terhenti di situ, pada tahun 1933 beliau telah berjaya menamatkan pengajian dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Diploma Pendidikan ketika melanjutkan pengajian di Kolej Dar al-Ulum.⁸

Dengan kelayakan yang dicapai Sayyid Qutb ditawarkan menjadi tenaga pengajar di Kolej Dar al-Ulum. Ketokohan beliau terserlah apabila turut diberi kepercayaan menjawat jawatan di Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Mesir. Pada tahun 1948, beliau dihantar ke Amerika Syarikat oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Mesir bagi mengkaji sistem pendidikan Barat. Di sana beliau telah berpeluang melanjutkan pelajaran diperingkat sarjana dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Northern Colorado. Bermula dari situlah Sayyid Qutb mula mengekspresi pemikiran baru beliau yang mana merupakan titik tolak kepada gerakan pembaharuan. Sekembalinya dari Amerika beliau memutuskan untuk menumpukan seluruh hayatnya kepada pengajian Islamiyah dan aktivis Islamiyah dan secara rasmi menganggotai gerakan Ikhwan al-Muslimin yang dipelopori oleh Hasan al-Banna. Beliau mula menerapkan unsur-unsur Islam dalam penulisan dan menulis secara terang-terangan tentang masalah berkaitan keislaman.⁹

Ikhwan al-Muslimin merupakan satu gerakan yang bertujuan untuk mewujudkan kembali syariat Islam dan juga merupakan medan yang luas untuk menjalankan syariat Islam secara menyeluruh.

⁶ *Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. 2015. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 10-15.

⁷ Al-Khalidi, Shalah Abdul Fatah. 2001. *Pengantar Memahami Tafsir Fi Zhilali Al-Qur'an*. Hlm. 23-36

⁸ Nuim Hidayat. 2005. *Sayyid Qutb: Biografi Dan Kejernihan Pemikirannya*. Hlm. 15-17.

⁹ Nuim Hidayat. 2005. *Sayyid Qutb: Biografi Dan Kejernihan Pemikirannya*. Hlm. 45

Dari organisasi inilah beliau banyak memperjuangkan idea-idea pembaharuan dalam menyuarakan tuntutan keadilan, kemasyarakatan dan fikrah Islam yang hanya tercapai melalui pemerintahan Islam. Idea pembaharuan ini telah ditafsirkan ancaman oleh pihak pemerintahan Mesir yang ketika itu cenderung kepada konsep pemerintahan kapitalis yang banyak menekan rakyat jelata menyebabkan beliau ditangkap pada tahun 1954 dan dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun.¹⁰ (al-Khalidi : 2001 : 57)

Setelah sepuluh tahun dipenjara Sayyid Qutb dibebaskan kerana kesihatan yang amat buruk. Namun tidak sampai setahun dibebaskan, pada Ogos 1965, Sayyid Qutb kembali ditangkap atas tuduhan berkomplot bersama Ikhwan al-Muslimin merencana siri penggulingan Presiden Gamal Abdul Naser. Dengan tuduhan berlapis terhadap Sayyid Qutb atas tulisan-tulisannya di samping tuduhan yang sama sebelumnya, pemerintah Mesir akhirnya menjatuhkan hukuman mati kepada Sayyid Qutb dan dua teman beliau, Abdul Fatah Isma'il dan Muḥammad Yusuf Hawwas pada hari Isnin, 13 Jumadil Awwal 1386 bersamaan 29 Ogos 1966, di sebuah desa kecil di Mesir.¹¹

Semasa hayat beliau, Sayyid Qutb telah menghasilkan puluhan khazanah ilmu. Antara pada tahun 1950-an, Sayyid Qutb mulai membicarakan soal keadilan, kemasyarakatan dan fikrah Islam yang suci menerusi *al-Adalah al-Ijtima'iyah fi al-Islam* dan *Ma'rakah al-Islam wa ar-Ra's al-Maliyyah*. Selain itu, beliau turut menghasilkan *Fi Zhilali al-Quran* dan *Dirasat Islamiyyah*. Semasa dalam penjara, iaitu sekitar tahun 1954 hingga 1966, Sayyid Qutb masih terus menghasilkan karya-karya tersebut. Di antara buku-buku yang terhasil sewaktu dalam tahanan penjara adalah *Hadza al-Din*, *al-Mustaqbal li Hadza al-Din*, *Khasha'is al-Tashawwur al-Islami wa Muqawwamatuh*, *al-Islam wa Musykilah al-Hadharah* dan *Fi Zhilal al-Quran*.¹²

Karya agung Sayyid Qutb, *Fi Zhilal al-Quran* menjadi antara salah satu karya yang tidak mendapat tarikan pembaca dalam membincangkan isi kandungan al-Quran. Sebagaimana tafsir yang lain, karya ini juga disusun mengikut kaedah penafsiran sebagaimana yang telah digariskan oleh para mufasssirin iaitu mengikut kepada kaedah *bi al-ma'thur* atau *bi al-ra'yi* atau *bi al-iqtiran*. Menurut Sri Aliyah dalam kajian Kaedah-kaedah Tafsir fi Zhilaali al-Quran, antara keistimewaan karya ini ianya disusun mengikut kaedah penafsiran naqliyah (berasaskan al-Quran dan hadis) iaitu satu kaedah penafsiran tanpa menyebutkan perbicaraan-perbicaraan sampingan seperti perbahasan-perbahasan bahasa dan tatabahasa, ilmu kalam dan ilmu fiqh serta cerita-cerita dongeng israiliyat yang biasa dibawakan dalam kebanyakan tafsir lain. Beliau juga tidak membawakan pendekatan penafsiran ayat-ayat al-Quran yang menyentuh kejadian alam dengan hasil kajian sains dan fizik kerana dibimbangi bersalahan sekiranya terdapat penemuan-penemuan baru yang silih berganti.

Selain itu, bentuk penafsiran karya ini disusun secara bersepadu dan selaras iaitu saling berkait antara satu ayat daengan ayat yang lain dalam setiap surah yang menjadikan tafsirannya satu unit yang tersusun. Menariknya karya ini membawakan analisis budaya dan pemikiran yang

¹⁰ Al-Khalidi, Shalah Abdul Fatah. 2001. *Pengantar Memahami Tafsir Fi Zhilali Al-Qur'an*. Hlm. 57.

¹¹ Nuim Hidayat. 2005 *Sayyid Qutb: Biografi Dan Kejernihan Pemikirannya*. Hlm. 15

¹² Al-Khalidi, Shalah Abdul Fatah. 2001. *Pengantar Memahami Tafsir Fi Zhilali Al-Qur'an*. Hlm. 57.

mendalam dengan mengupas bentuk kehidupan berlatar belakang budaya jahiliyah yang mempengaruhi kehidupan manusia sepanjang zaman. Olahan yang dibuat merupakan satu pendekatan yang bernas bagi menjauhkan tipu daya segenap musuh Islam yang begitu licik dan bertopengkan kajian ilmiah yang palsu untuk memusnahkan Islam yang suci dan menarik para cendekiawan muslim ke dalam perangkap penyelewengan dari landasan agama yang sebenarnya. Secara tidak langsung gaya bahasa penulisan karya ini melambangkan ketinggian sastera Sayyid Qutb yang mana ianya berupa ulasan yang indah, jelas, ekovatif dan tegas.¹³

3.0 TAFSIR AL-AZHAR

Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah¹⁴ atau lebih dikenali sebagai Buya Hamka bukanlah satu nama asing dalam sejarah ulama Nusantara malah merupakan antara tokoh yang sangat berjasa dalam mengutarakan idea pemikiran bagi membangunkan dunia Islam khususnya Nusantara. Buya Hamka dilahirkan pada tanggal 16 Februari 1908 M bersamaan 13 Muharram 1326 H di sebuah desa, Tanah Sirah, Sungai Batang di tepi Danau Maninjau (Sumatra Barat).¹⁵ Beliau menghembuskan nafas terakhir pada tanggal 24 Julai 1981 di Jakarta. Gelaran Buya merupakan panggilan untuk orang Minangkabau yang berasal dari kata *abi*, *abuya* dalam bahasa Arab yang bererti ayahku, atau seseorang yang dihormati.¹⁶

Sebagaimana tokoh-tokoh ilmunan yang lain, kecemerlangan dalam dunia akademik, Buya Hamka pernah menerima beberapa anugerah periktirafan di peringkat nasional dan internasional. Antaranya beliau telah diberikan perngiktirafan oleh pusat pengajian ilmu Islam tertua iaitu Universiti al-Azhar Cairo dengan anugerah kehormat *ustadziyyah fakhriyyah* (Doctor Honoris Causa) pada 1958. Ianya merupakan penghormatan untuk perjuangan beliau terhadap syiar Islam. Beberapa tahun kemudian pada 1966, Buya Hamka telah diberikan gelaran professor oleh Universiti Dr. Mustopo, Jakarta dan pada tahun 1974 Universiti Malaya pula telah menganugerahkan gelaran doktor kehormat kepada beliau.¹⁷ Manakala di tanah air sendiri beliau menerima penghargaan gelaran Datuk Indono dan Pangeran Wiroguno.¹⁸

Selayaknya bagi seorang intelektual, Buya Hamka banyak mengekspresikan pengetahuan beliau melalui pena penulisan dan telah melahirkan pelbagai karya penulisan. Antara karya-karya beliau ialah *Khatib Ummah* jilid 1-3 yang ditulis dengan menggunakan bahasa Arab, *Layla Majnun*, *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, *Tasawuf Modern*, *Islam dan Demokrasi*, *Perkembangan Tasawuf dari Abad ke Abad*, *Mengembara di Lembah Nil*, *Di Tepi Sungai Dajlah*, *Islam dan Kebatinan*, *Ekspansi Ideologi*, *Falsafah Ideologi Islam*, *Urut Tunggang Pancasila*, *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*, *Muhammadiyah di Minangkabau*, dan karya beliau yang masyhur iaitu *Tafsir al-Azhar* Juz 1-30, dan lagi.¹⁹

¹³ Sri Aliyah. 2013. *Kaedah-Kaedah Tafsir Fi Zhilaali Al-Quran*. Hlm. 39-60.

¹⁴ Avif Alviyah. *Metode Panafsiran Buya Hamka Dalam Tafzir Al-Azhar*. Hlm 25-35.

¹⁵ HM. Jamil. *Hamka Dan Tafsir Al-Azhar*. Hlm. 121-143.

¹⁶ Badiatul Razikin. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam*. Hlm. 188.

¹⁷ HM. Jamil. *Hamka Dan Tafsir Al-Azhar*, *Istishlah Jurnal Hukum Islam*. Hlm. 121-143.

¹⁸ Avif Alviyah. *Metode Panafsiran Buya Hamka Dalam Tafzir Al-Azhar*. Hlm 25-35.

¹⁹ Badiatul Razikin. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam*. Hlm. 191-92. Rujuk Dr. H.M. Jamil. 2016. *Hamka dan Tafsir al-Azhar* untuk senarai lengkap karya Hamka.

Tafsir al-Azhar merupakan antara karya termasyhur Buya Hamka dalam menghuraikan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Penulisan tafsir ini merupakan susunan daripada kuliah tafsir beliau di Masjid Agung al-Azhar pada tahun 1959.²⁰ Buya Hamka menamakan tafsir tersebut al-Azhar sempena dengan nama masjid di mana kuliah tafsir beliau disampaikan.²¹ Walau bagaimanapun, penulisan tafsir ini terhenti seketika apabila beliau disabitkan tuduhan pengkhianatan terhadap tanah air sendiri dan telah dikenakan hukuman penjara.²² Sebagaimana Sayyid Qutb, hukuman yang dikenakan tidak melunturkan wawasan Buya Hamka malah penulisan tafsir tersebut sempat beliau selesaikan ketika masih dalam tahanan.²³

Suasana dunia ketika itu mengalami konflik politik yang dahsyat dan hal ini tidak terlepas turut berlaku di Indonesia. Sebagaimana coretan Buya Hamka, Indonesia menghadapi krisis yang hebat, pemberontakan telah terjadi di Sumatera. Tepat pada Isnin, 12 Ramadhan 1383 bersamaan 27 Januari 1964, Buya Hamka ditangkap oleh penguasa atas tuduhan khianat terhadap tanah air sendiri dengan mengadakan komplot merancang pembunuhan presiden Sukarno dan Menteri Agama H. Saifuddin Zuhri.²⁴ Kerajaan telah menjatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun 7 bulan (27 Januari 1964-21 Januari 1967) kepada beliau dan di situlah HAMKA memanfaatkan waktunya untuk menulis dan menyempurnakan tafsir 30 juznya.²⁵ Pada tahun 1967, akhirnya *Tafsir al-Azhar* pertama kali diterbitkan.²⁶ Hari ini telah menyaksikan betapa agungnya sumbangan penulisan beliau apabila *Tafsir al-Azhar* telah menjadi antara sumber rujukan umat Islam Nusantara.

Tafsir Al-Azhar adalah tafsir yang diperkaya dengan pendekatan sejarah, sosiologi, tasawuf, ilmu kalam, sastera dan psikologi. Menurut Avif Alviyah²⁷, tafsir ini merupakan pencapaian dan sumbangan terbesar Buya Hamka dalam membangun pemikiran dan mengangkat tradisi ilmu yang melahirkan sejarah penting dalam penulisan tafsir di Nusantara. Adapun tujuan terpenting dalam penulisan *Tafsir al-Azhar* adalah untuk memperkuat dan memperkukuh hujah para *muballigh* dan mendukung gerakan dakwah. *Tafsir al-Azhar* ditulis berasaskan pandangan dan kerangka manhaj yang jelas dengan merujuk kepada kaedah Bahasa Arab, tafsiran salaf, *asbab al-nuzul*, *nasikh mansukh*, ilmu hadis, ilmu fiqh dan sebagainya. Ia turut menzahirkan kekuatan dan ijtihad dalam membandingkan dan menganalisis pemikiran mazhab.

Tafsir al-Azhar disusun dalam kerangka yang sangat jelas menggambarkan corak suasana latar kehidupan penafsirnya Buya Hamka. Penulisan beliau menzahirkan watak masyarakat dan sosio-budaya pada ketika itu. Pengolahan yang mampan berjaya merakam kehidupan dan sejarah sosio-politik umat setempat khususnya yang getir, tandus akan kepentingan ilmu agama dan menampakkan cita-citanya untuk memartabatkan dakwah di Nusantara. Penahanan ke atas diri beliau memperkuat lagi iltizam dan tekad perjuangannya serta mampu mencetuskan

²⁰ Hamka. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Hlm. 39-53.

²¹ Hamka. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Hlm. 48

²² Badiatul Razikin. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam*. Hlm. 191.

²³ Hamka. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Hlm. 39-53.

²⁴ HAMKA. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Hlm. 45-46.

²⁵ Badiatul Razikin. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam*. Hlm. 190.

²⁶ Avif Alviyah. *Metode Panafsiran Buya Hamka Dalam Tafzir Al-Azhar*. Hlm 25-35.

²⁷ Avif Alviyah. *Metode Panafsiran Buya Hamka Dalam Tafzir Al-Azhar*. Hlm 25-35.

semangat dan kekuatan baru terhadap pemikiran dan pandangan hidupnya. Ianya sebagaimana yang disebutkan Buya Hamka:

“Sebab selama dalam tahanan itu, selain dari mengerjakan “tafsir” ini di waktu siang, di malam hari mendapat kesempatan sangat luas buat beribadat kepada Tuhan dan tahajjud serta munajat lepas tengah malam, adalah obat yang paling mujarab pengobat muram dan kesepian di waktu segala jalan hubungan di bumi ditutup orang, hubungan ke langit lapang terluang.”²⁸

Kepulangan Hamka ke rahmatullah pada 24 Julai 1981 merupakan satu kehilangan yang menyedihkan. Namum begitu, pengaruh dan perjuangan beliau terus hidup dalam memartabatkan agama Islam dan ilmu Allah yang sangat luas di seluruh alam Nusantara.

Maka jika dilihat dari segi perbandingan di antara kedua-dua tokoh ini, kita akan dapati suatu sudut yang amat signifikan untuk dilakukan penelitian iaitu dari sudut pemikiran. Ini kerana kedua mereka berada pada satu zaman yang sama dengan suasana persekitaran percambahan ilmu yang sama. Namun hanya sosio-budaya masyarakat sekeliling sahaja yang membeza antara keduanya, Nusantara dan Timur Tengah. Sejarah hidup mereka terukir sama yang mana masing-masing berdepan dengan konflik antara pihak pemerintah sehingga berlaku siri penahanan yang menempatkan mereka dipenjara atas dakwaan pengkhianatan terhadap tanah air sendiri. Terhasilnya karangan agung mereka juga dalam keadaan suasana corak pemikiran yang seakan sama dengan hasrat membebaskan belenggu yang memahat dalam masyarakat setempat yang tenat akan ilmu agama. Maka justifikasi artikel adalah sesuai dengan faktor sejarah kehidupan kedua tokoh dan pemilihan Surah al-Mulk adalah bertujuan melihat bagaimanakah corak penafsiran yang cuba dibawakan oleh kedua tokoh ini dalam merungkaikan kemelut yang membelenggu masyarakat umum.

4.0 PERBANDINGAN METODOLOGI PENAFSIRAN SAYYID QUTB DAN BUYA HAMKA PADA SURAH AL-MULK

Dari sudut permulaan kedua tokoh dilihat berbeza dalam memberi gambaran yang jelas tentang awal penafsiran surah al-Mulk. Buya Hamka²⁹ memulakan tafsiran panjang lebar dan tegas menyatakan di sana tidak ada pemerintahan, kerajaan atau kekuasaan yang kekal melainkan kekuasaan Allah. Manakala Sayyid Qutb³⁰ memulakan penafsiran secara literal. Di awal penafsiran untuk juzuk ke 29 ini Sayyid Qutb terlebih dahulu menghuraikan latar belakang surah-surah yang terdapat pada juzuk ke 29 dengan menjelaskan keseluruhannya merupakan surah-surah *makkiyyah* dan turut menghuraikannya dari sudut perbezaan antara *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Begitu juga dengan Buya Hamka yang mana beliau turut menyebutkan dengan secara ringkas pengkelasan samada *makkiyyah* atau *madaniyyah* dan berapa ayat pada surah tersebut. Tambahan Buya Hamka turut menjelaskan secara ringkas gambaran awal tentang perbincangan dibawakan dalam surah-surah pada juzuk ke 29.

²⁸ HAMKA. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Hlm. 52.

²⁹ HAMKA. 1984. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 29. Hlm. 1-35.

³⁰ Sayyid Qutb. 1994. *Fi Zhilal al-Quran*. Jil. 6. Juzu' 26-30. Hlm. 3627-3648.

Secara umumnya, kedua-dua penafsiran dilakukan mengikut bentuk *tafsir bi al-ma'thur* yang mana keterangan al-Quran diperjelaskan dengan nas-nas al-Quran yang lain ataupun hadis-hadis Nabi dan juga dalam bentuk *tafsir bi al-ra'yi* dengan mengenengahkan ijtihad *mufasssir* itu sendiri. Dalam pemerhatian yang dilakukan terdapat sedikit perbezaan dari segi penghuraian metode yang diketengahkan. Kedua-dua tafsir ini jelasnya menggunakan metode tafsir *tahlili* iaitu dengan mendatangkan penafsiran secara komprehensif dengan penerangan yang menyeluruh yaitu dengan menafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan nas-nas, samada dengan ayat-ayat al-Quran sendiri, hadis-hadis Nabi, pendapat sahabat ataupun pendapat *tabi'in*.

Namun Sayyid Qutb dilihat lebih memberikan batasan terhadap maklumat yang disampaikan dalam penafsiran beliau. Ini sebagaimana yang dinyatakan Sayyid Qutb bahawa beliau sama sekali tidak membawakan teori-teori ilmiah dan contoh-contoh penemuan sains yang mana faktanya boleh berubah mengikut arus keadaan semasa. Ini dapat dilihat pada penafsiran yang dibuat pada ayat yang ke 5, bermaksud: "*dan Kami jadikananya peluru yang merejam para syaitan*", Sayyid Qutb tidak mengulas panjang tentang keterangan ini sebagaimana kitab tafsir yang lain. Namun beliau membawakan penguat bagi keterangan ayat ini dengan membawakan ayat 7-10 surah al-Shaffat yang membawa maksud bahawa begitulah maksud ayat tersebut sebagaimana dibawakan dan bagaimana ianya berlaku adalah semata-mata hanya dalam pengetahuan Allah s.w.t.. Berbeza dengan Buya Hamka, beliau menafsirkan keterangan ayat tersebut dengan menukulkan padangan dari al-Zamakhshari dan Ibn Kathir dengan membawakan takwilan kepada maksud zahir ayat.

Begitu juga dalam menghuraikan ayat yang ke 7-8 yang bermaksud: "*apabila mereka dicampakkan ke dalamnya mereka akan mendengar suara nafasnya yang dahsyat dan ia terus mendaung menjulang-julang*" (ayat 7), "*neraka itu hampir-hampir meledak pecah kerana terlalu marah*" (ayat 8), Sayyid Qutb menyatakan bahawa ianya menggambarkan hakikat ayat ini yang sebenar kerana setiap makhluk Allah adalah hidup dan mempunyai roh sesuai dengan jenis masing-masing. Beliau membawakan sokongan ayat al-Quran yang lain dalam menjelaskan bahawasanya setiap makhluk mempunyai roh dan selayaknya sekiranya neraka digambarkan hidup pada ayat yang dibawakan tanpa perlu kepada takwilan yang lain. Berbeza dengan Buya Hamka, beliau menafsirkan keterangan tersebut dengan menukulkan pandangan dari Ibn Jarir dengan membawa takwilan bahawa ianya dimaksudkan dengan bunyi pekikan mereka yang sedang menderita diazab di dalam neraka.

Antara lainnya, hasil penelitian mendapati terdapat sedikit perbezaan di antara dua-dua tafsir ini iaitu berbeza dengan meletakkan tema perbincangan bagi ayat-ayat yang diperbincangkan. Sayyid Qutb tidak meletakkan tema pada perbincangan setiap ayat, sebaliknya Sayyid Qutb cuba membawakan kesinambungan antara ayat-ayat yang ditafsirkan. Menariknya di sini pembaca akan mendapat gambaran yang jelas keterkaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Manakala Buya Hamka sebagai contoh dalam menafsirkan ayat 1-4 beliau meletakkan tema perbincangan dengan topik "Seluruh Kerajaan Ada Dalam TanganNya", ayat 5-11 dibawah tema "Keindahan Langit", ayat 12-18 "Takut Kepada Tuhan Yang Gaib", ayat 19-24 "Keindahan Burung-Burung Terbang", dan ayat 25-30 "Cita-Cita Yang Tetap Hidup".

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, maka jelas terdapat persamaan metodologi penafsiran antara Tafsir al-Azhar dan Tafsir Fi Zilal al-Quran iaitu menggunakan penafsiran secara *bi al-ma'thur* dan *bi al-ra'yi* dalam menafsirkan Surah al-Mulk ini. Walau bagaimanapun di sana terdapat juga perbezaan penafsiran kedua-dua tafsir ini yang mana dapat dikenalpasti pada tema dan gaya penafsiran yang diutarakan oleh pentafsir pada sesuatu ayat untuk memberikan kefahaman dan cara penyampaian yang tersendiri.

5.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, analisis perbandingan metode penafsiran yang terdapat dalam Tafsir Fi Zilal al-Quran dan Tafsir al-Azhar terhadap surah al-Mulk ini adalah untuk mengaitkan gaya penafsiran pada setiap penafsir dengan faktor latarbelakang penafsir itu sendiri. Kedua-dua tafsir ini masing-masing mempunyai keunikan dan kekuatan tersendiri sepertimana Sayyid Qutb yang dikenali sebagai sasterawan yang kaya dengan pelbagai karya seninya dan arif dari sudut ilmu bahasa menjadikan penghasilan kitab Tafsir Fi Zilal al-Quran ditafsirkan secara kemas dan seni. Begitu juga Buya Hamka, turut dikenali sebagai sasterawan yang terkenal di alam Melayu. Beliau juga dikenali sebagai ulama' moden dengan sentiasa menerapkan kesenian dalam menginterpretasi agama dan kesenian tersebut menjadi gaya penafsiran dalam mentafsir al-Quran dalam Tafsir al Azhar.

Boleh juga disimpulkan bahawa corak perbezaan pembawakan dalam penafsiran dapat dilihat dari sudut personaliti kedua tokoh yang mana Sayyid Qutb lebih dikenali sebagai seorang aktivis reformasi manakala Buya Hamka pula hanya lebih kepada pendakwah bebas. Keadaan semasa dan situasi yang berlaku di sekeliling pentafsir memberi kesan kepada metodologi penafsiran mereka, malah perkara ini membantu dalam penafsiran beberapa ayat suci al-Quran yang bersangkutan-paut dengan permasalahan yang dihadapi masyarakat. Latarbelakang kehidupan kedua tokoh pentafsir ini menjadi faktor kepada persamaan dan perbezaan gaya dan metode penafsiran dalam kedua-dua kitab tafsir ini. Walaupun terdapat kesamaan dari sudut perjalanan hidup dikenakan hukuman penjara atas sebab yang juga hampir sama, namun analogi yang diberikan hampir kepada suasana semasa dan keperluan realiti masyarakat setempat. Wallahu a'lam.

RUJUKAN

- Al-Quran. 2001M/1422H. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cetakan ke-12. Kuala Lumpur: Dar al-Fikir.
- Avif Alviyah. 2016. *Metode Penafsiran Buya Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar*. Ilmu Ushuluddin. Vol. 15, No. 1, Januari 2016. Hlm. 25-35.
- Badiatul Razikin. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam*. Yogyakarta: e-Nusantara.
- Dr. H.M. Jamil. 2016. *Hamka dan Tafsir al-Azhar*. Istishlah Jurnal Hukum Islam. Vol. XII No.2, Juli-Desember 2016. Hlm. 121-143.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn .2005. *Al-Tafsir wa al-Mufasssin*. Avand Daanesh Ltd, Juz 1.
- Fadil Hasan Abbas. .2005. *Al-Tafsir: Asasiyatuhu wa Ittijatuhu*. Amman: Maktabah Dandis.
- HAMKA. 1970. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 1. Jakarta: P.T. Pembimbing Masa.
- HAMKA. 1984. *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 29. Surabaya: Yayasan Yatimojong.

- Hujair A. H. Sanaky. 2008. *Metode Tafsir (Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin)*. Al-Mawarid Edisi XVIII Tahun 2008. Hlm. 263- 284.
- Al-Khalidi, Shalah Abdul Fatah. 2001. *Pengantar Memahami Tafsir Fi Zhilali Al-Qur'an*, Intermedia, Solo.
- _____. 1986. *Fi Zhilali Al-Qur'an Fi Al-Mizan*. Jeddah: Darul Mannarah.
- _____. 1995. *Tafsir Metodologi Pergerakan Di Bawah Naungan Al-Qur'an*. Terj. Jakarta: Yayasan Bunga Karang,
- Malik Ibrahim. 2010. *Corak dan Pendekatan Tafsir al-Qur'an*. Sosio-Religia, Vol. 9, No. 3, Mei 2010. Hlm 641-654.
- Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. 2015. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuim Hidayat. 2005. *Sayyid Qutb: Biografi Dan Kejernihan Pemikirannya*. Gema Insani Press, Jakarta. Hlm. 15-17.
- Sayyid Qutb. 1987. *Fi Zhilal al-Quran*. Jil. 1. Juzu' 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- _____. 1994. *Fi Zhilal al-Quran*. Jil. 6. Juzu' 26-30. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- _____. 2000. *Tafsir Fi Zhilal al-Quran, Di Bawah Bayangan al-Quran*. Jil. 16. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sri Aliyah. 2013. *Kaedah-Kaedah Tafsir Fi Zhilaali Al-Quran*. JIA Desember 2013, Vol. XIV, No. 2. Hlm. 39-60.